



**PENTING BAGI SETIAP PARTI
KOMPONEN BN DI PULAU PINANG:**

Tingkatkan lagi perpaduan yang sedia ada

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan rasmi pertamanya ke Pulau Pinang hari ini dengan harapan parti-parti komponen BN Negeri ini melipatgandakan usaha ke arah memupuk perpaduan lebih erat di kalangan mereka.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional menegaskan langkah itu penting kerana amat sukar bagi Kerajaan Pusat mewujudkan kerjasama Pulau Pinang, jika diperintah oleh parti lawan.

Oleh itu, katanya, adalah penting setiap parti komponen BN di negeri ini memahami hakikat tersebut dan berusaha meningkatkan perpaduan yang sedia wujud.

Bercakap kepada pemberita di Wisma Persekutuan, Perdana Menteri berkata, "Perselebaran faham di kalangan parti komponen

BN, termasuk di peringkat negeri Pulau Pinang, adalah perkara biasa.

"Apa yang penting ialah calon pilihanraya yang dipilih oleh peringkat tertinggi BN untuk bertanding di sebarang kawasan pilihanraya dipersetujui

oleh semua parti komponen BN.

"Ini amat penting kerana saya berpendapat peluang kemenangan BN dalam sebarang pilihanraya akan merosot, jika calonnya ditentang oleh calon lain yang sebenarnya adalah dari BN juga."

Perdana Menteri berkata demikian mengulas soal 'pertelingkahan' yang mungkin antara MCA dan Gerakan di Pulau Pinang berhubung dengan pembahagian kerusi dalam pilihanraya umum akan datang.

Mengenai pembangunan Pulau Pinang, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, segala program yang disusun bertujuan menyelaraskan kedudukan rakyat berbilang kaum di negeri ini.

"Di bidang perniagaan misalnya, kita ingin melihat lebih ramai Bumiputera berniaga sama ada secara perendirian atau usahasama dengan rakan mereka dari kaum lain," jelasnya.

Selanjutnya, Perdana Menteri berkata, kerajaan menarik balik status Pulau Pinang sebagai kawasan bebas cukai untuk 'menyelaraskan statusnya' dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Bagaimanapun, beliau berharap penghapusan duti import ke atas barang-barang 'populer' seperti kamera dan pemetik api dalam Belanjawan Negara 1982 akan terus menjadikan negeri ini sebagai pusat pelancongan utama di Malaysia.

"Saya juga berharap peniaga kamera dan barang-barang popular lain akan mengenakan harga lebih murah dari Singapura atau Hong Kong, berdasarkan kos penyelenggaraan yang lebih murah dari kedua negara itu," jelasnya.

Beliau juga yakin pembinaan jambatan Pulau Pinang akan dapat meningkatkan prestasi pembangunan negeri ini berikutan terbukanya lebih banyak peluang perniagaan.

"Bila jambatan ini siap kelak, mungkin kita patut menukar nama Pulau Pinang seperti yang disarankan oleh Ketua Menteri," katanya tersenyum sambil memandang ke arah Dr. Lim Chong Eu, yang turut hadir dalam sidang akhbar tersebut.

■ Bunga rampai ditabur, air mawar direnji dan silat dipencak, menyambut ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Parti Gerakan, di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang, semalam.

"Kamilah jenerasi baru", mungkin bergema di hati kanak-kanak yang bersilat. Seolah-olah menggambarkan mereka adalah pembela bangsa dan negara akan datang.

Perdana Menteri memerhatikan serius gerak langkah anak-anak yang dari kecil diasuh pertahankan semangat.

Sesuai benar dengan ucapan beliau di perasmian perhimpunan itu yang menyebut pepatah Melayu berbunyi: 'Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Atau 'hujan emas di negeri orang, hujan keris, lembing di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri'.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia